

Elak universiti jadi dinosaur

Oleh Dzulkfley Zanudin

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap universiti tempatan lebih peka dan proaktif kepada perubahan serta kehendak negara dan dunia semasa bagi mengelak menerima nasib yang sama seperti dinosaur.

Perdana Menteri berkata, universiti tidak boleh lagi bersifat konservatif dan menawarkan pengajaran atau latihan dalam bidang ilmu tradisional dengan kepercayaan seseorang yang boleh menguasai satu ilmu, boleh menguasai semua ilmu dan kecekapan.

"Jika demikian sikap universiti, mereka akan menjadi dinosaur yang mati kerana tidak sesuai dengan perubahan iklim dan alam sekitar," katanya berucap ketika merasmikan Kompleks Perdanasiswa Universiti Malaya (UM), di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, cabaran universiti kini ialah bagaimana dapat menyelit dan menyemai nilai-nilai hidup mulia dan budaya tinggi ketika menyampaikan ilmu pengetahuan selaras dengan masyarakat yang kian canggih dan maju.

Sehubungan itu, katanya, lepasan universiti bukan sahaja harus menjadi golongan terpelajar dalam bidang teknologi, sains dan kejuruteraan, tetapi juga tahu menilai baik buruk penggunaan

ilmu masing-masing.

Menurutnya, universiti perlu melahirkan siswazah yang lengkap dari segi psikologi, mentaliti dan budaya yang sesuai dengan pembangunan pesat negara serta masalah sosial berkaitannya.

"Manusia yang berilmu tanpa budaya mulia adalah berbahaya kepada diri dan masyarakatnya. Pisau yang tajam bukan sahaja boleh mengukir ukiran menakutkan, tetapi juga boleh membunuh," katanya.

Perdana Menteri mahu pelajar universiti sentiasa berani mengikuti bidang pengajian yang sesuai walaupun ilmu itu tidak biasa dikaitkan dengan pelajaran di universiti.

"Penguasaan yang baik ke atas sekurang-kurangnya satu bahasa tambahan selain Bahasa Kebangsaan amatlah penting kerana kebanyakan ilmu moden tidak diterokai dalam Bahasa Melayu," katanya.

Beliau berkata, masalah di kalangan pelajar Bumiputera sekarang bukanlah soal biasiswa, sebaliknya kecenderungan memilih jurusan tidak penting untuk pembangunan negara.

Dr Mahathir juga mengumumkan Petronas bersetuju menaja satu kerusi bagi Perubatan Kesukanan dan Pemulihan di UM untuk mem-

LIHAT MUKA 2

BERITA HARIAN/RABU, 11 JANUARI, 1995

Mahathir temui wakil syarikat AS

DARI MUKA 1

bolehkan pelajar universiti itu menggunakan kemudahannya bagi mengembangkan bidang itu.

Terdahulu, Dr Mahathir turut berbual ringkas dengan wakil National Technological University (NTU), Colorado, Amerika Syarikat serta syarikat

secara langsung melalui satelit.

Acara itu adalah sebahagian program pendidikan jarak jauh melalui satelit dari NTU yang mana UM adalah universiti pertama di luar Amerika Syarikat dan Lingkar Pasifik mengguna-

Basir dalam ucapannya berkata, UM akan mewujudkan pelan induk pembangunan untuk kampus universiti itu, terutama dari segi struktur dan pembangunan fizikal, selain menambah pelajar luar negara untuk membantu menjadikan Malaysia sebagai pusat ilmu.